



<http://www.mpkbri.gov.my>

 [majlisperbandarankotabharubandarrrayaislam](https://www.facebook.com/majlisperbandarankotabharubandarrrayaislam)

 [mpkbri](https://www.instagram.com/mpkbri)



**LAMAN CAKNA PALESTIN  
IKON BAHARU KELANTAN**



**BANTUAN CSR MPKB-BRI  
KE LUBOK GONG, RANTAU  
PANJANG, KELANTAN**



**GOTONG-ROYONG  
PERSISIRAN PANTAI  
CAHAYA BULAN**

# BULETIN MPKB-BRI

## SIDANG REDAKSI

### Penaung

YM Haji Tuan Zainal Abidin Bin Tuan Yusuf  
(Yang Dipertua, MPKB-BRI)

### Penasihat

YBhg. En Ruzely Bin Abdullah  
(Pengerusi Jawatankuasa Penerangan,  
Perpaduan Kaum dan Pelancongan,  
MPKB-BRI)

### Ketua Pengarang

YBrs. En. Mohd Shaifudeen Bin Md Salleh  
(Setiausaha, MPKB-BRI)

### Pengarang

YBrs Haji Azman Bin Mohd Daham  
(Pegarah Pengurusan Korporat)

YBrs Norliza Bt Razali  
(Penolong Pegarah Pembangunan  
Korporat)

YBrs Nurfatin Binti Azizan  
(Penolong Pegawai Tadbir)

### Editor dan Fotografi

YBrs Muhd Asyraf Bin Mad Rozali  
(Pembantu Tadbir)

*" Setinggi Mana Kita Lompat,  
Pasti Kita Turun Mendarat  
Setinggi Mana Kita Berpangkat  
Disisi ALLAH Sama Darjat "*



## HAK CIPTA TERPELIHARA

JABATAN PENGURUSAN KORPORAT  
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU  
BANDAR RAYA ISLAM

## UCAPAN ALUAN YDP MPKB-BRI

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan inayah dan kurnianya Buletin PDF edisi pertama bagi tahun 2022 telah berjaya diterbitkan. Ini merupakan hasil kerjasama dan semangat serta komitmen yang tinggi sidang redaksi majlis dalam menerbitkan Buletin PDF. paparan dalam buletin pdf ini menjurus kepada semua aktiviti yang telah berlangsung pada setiap akhir bulan.

Objektif Buletin PDF adalah sebagai sebuah wadah untuk satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang pelbagai aktiviti sepanjang tahun.

Diharapkan penerbitan Buletin PDF ini menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada penyelaras Buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan.

Tahniah sekali lagi kepada sidang editor Buletin PDF pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Terima kasih kepada semua warga Kota Bharu.

Salam Hormat,  
(YM Tuan Zainal Abidin Bin Tuan Yusuf)  
Yang Dipertua MPKB-BRI

# LAMAN CAKNA PALESTIN IKON BAHARU KELANTAN



Sempena sambutan Minggu Al-Quds Sedunia , 25 Februari hingga 5 Mac 2022, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) bersinergi dengan Pertubuhan Cakna Palestin Malaysia (Cakna Palestin) menganjurkan Majlis Perasmian Laman Cakna Palestin di Jalan Dato' Pati, hari ini.

Majlis perasmian tersebut disempurnakan Menteri Besar Kelantan YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob.

Sementara itu, Presiden Cakna Palestin, Wan Mohd Sharafi Wan Mustafa berkata, idea mewujudkan Laman Cakna Palestin tercetus pada tahun 2014. Menurutnya, laman tersebut kini menjadi medan ikonik dan simbolik melalui ekspresi mural pada dinding seluas 6000 kaki persegi dan lantai dengan lukisan bermotif permadani seluas 5800 kaki persegi hasil kreativiti Persatuan Seni Lukis Kelantan (PESENI) bersama Tangan Emas Studio dengan bantuan mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada akhir tahun 2015.





"Mural perintis yang bermula dari belakang bangunan Jalan Dato' Pati berkembang ke belakang Mutiara Corner dan lorong belakang Jalan Ismail ini adalah ketandaan solidariti yang berterusan dan tidak berbelah-bagi seluruh watan Kelantan terhadap sahabat seakidah kita di Palestin," katanya.

Beliau berharap para imam turut mengambil bahagian meniup semangat jihad pembebasan Palestin sebagai apresiasi sambutan Minggu Al-Quds Sedunia menerusi khutbah Jumaat esok.

Minggu Al-Quds Sedunia bakal dirasmikan Wakil Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah, Tan Sri Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang di Dataran Batu Buruk, Kuala Terengganu. Manakala perasmian penutup bakal disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Idris Ahmad di Putrajaya pada 5 Mac nanti.



# BANTUAN KEMANUSIAAN MPKB-BRI KE LUBOK GONG, RANTAU PANJANG, KELANTAN



03 Mac 2022 bersamaan 29 Rejab 1443H, Baru baru ini Pekan Rantau Panjang menerima musibah banjir yang memberi impak cukup besar untuk di harungi oleh mangsa mangsa yang terlibat. Rata-rata mangsa ini sebahagiannya telah pun kembali ke rumah masing masing untuk mula menjalankan kerja-kerja mencuci, membersihkan dan membuang sisa-sisa akibat banjir tersebut. Manakala sebahagian lagi masih berada di Pusat Pemindahan Sementara(PPS).



Konvoi kemanusiaan ini telah dilepaskan oleh YBr. Ustaz Nor Azariza Bin Mohd Alawi , Ketua Ahli Majlis, MPKB-BRI di Depot Pejabat MPKB-BRI cawangan Panji menuju ke lokasi yang dikenal pasti terjejas teruk iaitu Kampung Lubok Gong, Rantau Panjang, Kelantan.

Misi konvoi ini diketuai oleh YBr. Tn Hj Ropein Hasan, Pengarah Perkhidmatan Bandar MPKB-BRI mewakili pimpinan MPKB BRI menyampaikan sebahagian sumbangan kepada mangsa banjir dan sebahagian lagi diserahkan kepada wakil masjid Lubok Gong, Rantau Panjang untuk diagihkan. MPKB-BRI turut membawa jentera lori kompaktor 3 unit, 2 unit lori roro dan 1 unit lori terbuka yang disumbangkan oleh syarikat SEE Enterprise bergerak dengan kekuatan 56 orang kakitangan bahagian kebersihan MPKB- BRI bagi membersihkan sisa sisa banjir yang di letakkan di tepi jalan dan memungahkan sampah sarap dari Pusat Pemindahan.



Penduduk sekitar juga melahirkan penghargaan dan ucapan setinggi tinggi terima kasih kepada seluruh jentera MPKB-BRI yg sudi hadir menghulurkan bantuan berkenaan. Warga MPKB-BRI amat memahami kesulitan dan keresahan trauma akibat banjir. sememangnya, musibah banjir ini amat berat untuk ditanggung, namun diharapkan agar mangsa mangsa banjir ini bersabar dengan dugaan yang menimpa.

# PROGRAM GOTONG ROYONG "Pakat Jago Pata Kito"



19 Mac 2022 bersamaan 16 Syaaban 1443H – Sekitar Program Gotong-Royong Pesisiran Pantai 'Pakat Jago Pata Kito' yang diadakan di Pantai Cahaya Bulan (PCB) dan Pantai Kundur, Kota Bharu, Kelantan.

Program ini disempurnakan dengan perasmian oleh YB Dr Izani Husin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan.



Turut hadir, YBhg Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Kelantan, YBhg Tuan Setiausaha Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam, YBhg Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam, Kelab Motosikal Warrior Harley Davidson, Wakil-wakil Agensi Kerajaan, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Pejabat Tanah Jajahan Kota Bharu, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Kelantan, Pelajar-pelajar Kolej Uniti Kota Bharu, Pejabat Kesihatan, Majlis Daerah Ketereh-Perbandaran Islam, Gabungan Kelab Kereta Negeri Kelantan, Komuniti Dun Kijang, warga-warga kerja MPKB dan turut sama dalam menjayakan program ini ialah puspanita bahagian MPKB-BRI yang di ketuai oleh Puan Ts. Azlina Binti Ahmad, Pengerusi Puspanita Bahagian MPKB-BRI.



Program Gotong Royong Pesisir Pantai ini juga melibatkan seluruh pantai-pantai di negeri Kelantan termasuklah 6 buah pantai berjalan serentak pada hari yang sama, iaitu Pantai Kundur, Pantai Cahaya Bulan, Pantai Irama dan Pantai Melawi Bachok, Pantai Bisikan Bayu Pasir Puteh dan Pantai Geting Tumpat.

# MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI DIGITAL PASAR BESAR SITI KHADIJAH



Majlis Pelancaran Program Transformasi Digital Pasar Besar Siti Khadijah 6 Mac 2022, Majlis Pelancaran Program Transformasi Digital Pasar Besar Siti Khadijah di Perkarangan Besar Siti Khadijah, Kota Bharu Kelantan. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mustafa Mohamed, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).



Turut hadir ke pelancaran ini adalah YB. Dato' Hj. Hanifa Ahmad ( Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan), YB. Ustaz Azhar Salleh (Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi), YB. Encik Hilmi Abdullah (Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan & Kesihatan Negeri Kelantan), YBrs. Encik Fabian Bigar (Ketua Pegawai Eksekutif MyDigital Corp), YABrs. Y.M Tuan Zainal Abidin Tuan Yusof ( Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam), YBrs. Encik Adlis Khairil Sazli Mohd Zaini ( Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia Kuala Terengganu), dan YBrs. Encik Ahmad Nazri Che Omar (Pengerusi Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Bumiputera Pasar Besar Siti Khadijah).

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Dato' Seri Mustapa Mohamed berkata pembayaran tanpa tunai yang pertama kali diperkenalkan dalam kalangan peniaga pasar diharap dapat membiasakan para peniaga berurusan dengan pelanggan semasa menggunakan kemudahan digital.

"Kemunculan pelbagai varian COVID-19 turut menuntut para peniaga kecil dan sederhana (PKS) menukar strategi operasi perniagaan masing-masing supaya selamat dan terus berdaya saing," katanya ketika merasmikan Program Pembudayaan Pembayaran Norma Baharu Transformasi Digital Pasar Siti Khadijah, semalam.



## MAJLIS PELANCARAN

Oleh itu, beliau berharap program tersebut dapat memperkasakan pengguna kewangan di lokality yang berdaya maju dan transaksi penjual dan pembeli lebih selamat daripada jangkitan COVID-19 kerana tiada sentuhan fizikal sewaktu pembayaran dibuat.

Sehubungan itu, Pengerusi Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Bumiputera Pasar Besar Siti Khadijah, Ahmad Nazri Che Omar berkata, pihaknya menasarkankan 400 daripada 1,300 ahli persatuan bakal melaksanakan transaksi urus niaga secara digital menerusi aplikasi kod QR bersama pelanggan.

Beliau mewakili ahli persatuan dan pelanggan Pasar Siti Khadijah berterima kasih kepada Kerajaan Kelantan, Paynet, Kelantan Digital yang berkerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) Kuala Terengganu dan Bank Islam (M) Bhd Negeri Kelantan atas pelaksanaan sistem tersebut.

Termasuklah, Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandaraya Islam (MPKB- BRI), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



# BICARA INTEGRITI : BAHAGIA DICARI, DERITA MENANTI



- 21 MAC 2022 – Kursus Bicara Integriti : Bahagia Dicari, Derita Menanti yang disampaikan oleh Puan Wan Siti Junaida Bt Ismail, Ketua Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri Kelantan yang bertempat di Dewan Bunga Raya, MPKB-BRI.



Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan berkenaan AKTA SPRM 2009 (AKTA 694). Ia juga menjelaskan konsep asas nilai integriti, bentuk perbuatan rasuah dan salah guna kuasa dan langkah - langkah pencegahan rasuah.

Tujuan kursus ini bagi meningkatkan kesedaran kepentingan integriti dalam Organisasi atau Jabatan dan juga memberi pendedahan kepada pegawai - pegawai berhubung Akta SPRM 2009 (Akta 694).

# BENGGKEL PERANCANGAN PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001 : 2015



22 MAC 2022, Bengkel Perancangan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti Ms Iso 9001:2015 yang diadakan di Dewan Bunga Raya, MPKB-BRI disampaikan oleh Nik Shehar B. Haji Nik Wan dari Baraka Resources.



Bengkel ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman kakitangan mengenai system pengurusan kualiti MS ISO 9001 : 2015 dan sebagai persediaan kearah pelaksanaan ISO di peringkat majlis. Seminar ini dianjurkan sepenuhnya oleh Unit Latihan dan Kompetensi, Bahagian Perkhidmatan MPKB-BRI.

# BENGGKEL HRMIS BIL 3/2022: SUB MODUL PORTFOLIO (PENTADBIR HRMIS JABATAN/BAHAGIAN)



23 MAC 2022 Bengkel Hrmis Bil 3/2022: Sub Modul Portfolio (Pentadbir Hrmis Jabatan/Bahagian) disampaikan oleh Muhamad Waridi Rizq B. Lokman Tee yang bertempat di Bilik Latihan Tkt 3, Bangunan Persekutuan JANM Kelantan.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan pemahaman berkenaan modul-modul dan sub-modul sistem HRMIS, Meningkatkan kemahiran penggunaan sistem HRMIS pentadbir di Jabatan/Bahagian serta Menyelaras dan membantu pelaksanaan sistem HRMIS berpandukan KPI yang ditetapkan.

Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) merupakan sistem perdana Penjawat Awam Malaysia yang dibangunkan bagi melancarkan urusan pentadbiran sumber manusia di Agensi Kerajaan.



Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) merupakan sistem perdana Penjawat Awam Malaysia yang dibangunkan bagi melancarkan urusan pentadbiran sumber manusia di Agensi Kerajaan.

# MAJLIS MENANDATANGANI PERSEFAHAMAN (MoU) UITM & MPKB-BRI



## MAJLIS MENANDATANGANI PERSEFAHAMAN (MoU) UITM & MPKB-BRI

30 Mac 2022 bersamaan dengan 27 Syaaban 1443H - Majlis Menandatangani MOU KB 3D Art and Heritage Centre di antara Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang diadakan di Dewan Bunga Raya, MPKB-BRI.

Objektif Majlis ini untuk mencapai persetujuan usahasama UiTM TechnoVenture Sdn Bhd dengan MPKB-BRI bagi membangunkan model perniagaan KB 3D Art & Heritage Centre. Selain itu, Majlis ini juga bertujuan merangka pengurusan operasi termasuk penjualan tiket, promosi dan pemasaran serta teknikal. MPKB-BRI adalah sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab meluluskan lesen bagi pengoperasian dan pemilik premis.

